# Rukun Negara gagal dihayati rakyat

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR




Dari kiri: Azlan Shah, Shamsul Amri, Syahredzan dan Dharshinee pada Wacana *Sinar Harian* Siri ke-181 bertajuk Rukun Negara Sekadar Di Kulit Buku? yang disiarkan secara langsung menerusi platform *Sinar Harian Online* kelmarin.

## Pengajaran di sekolah hanya tekankan lima prinsip tanpa mukadimah

**Oleh RAIHAM MOHD SANUSI dan HASNIZA HUSSAIN**

**SHAH ALAM**

Pengajaran di sekolah yang hanya menekankan lima prinsip Rukun Negara tanpa menekankan tentang mukadimah yang mendokong lima prinsip itu menyebabkan ia gagal dihayati sepenuhnya oleh rakyat.

Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin berkata, keadaan itu seperti analogi menunggang basikal dengan hanya satu tayar.

"Jadi ini berlaku kepada Rukun Negara... Rukun Negara bergerak pada satu tayar sahaja, jadi budak-budak (pelajar) tak faham.

"Ikrar pagi-pagi pun ambil yang lima (prinsip) sahaja. Rukun Negara bukan yang lima itu sahaja kerana ada perkara yang mendokong lima prinsip itu lebih awal," katanya selaku panelis Wacana Siri ke-181 bertajuk Rukun Negara Sekadar Di Kulit Buku? yang disiarkan secara langsung menerusi semua platform *Sinar Harian Online* kelmarin.

Wacana itu turut membariskan ahli panel Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Syahredzan Johan dan Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia, Dharshinee Suresh Kumar serta Azlan Shah Nabees Khan selaku moderator.

Mengulas lanjut, Shamsul Amri berkata, akibat terlalu fokus terhadap prinsip itu menyebabkan wujudnya usaha mentahfizkannya iaitu menetapkan pelajar mesti fasih dan lancar lima prinsip tersebut.

"Pada saya itu bukan niatnya, hasrat asal adalah untuk memahami dan mengetahui tentang Rukun Negara.

"Apa yang penting sekarang adalah kebijaksanaan pimpinan kita dan orang ramai untuk menerima Rukun Negara serta serapkan dan jadikan ia dalam bentuk baharu untuk samasama mengingatkan kita," katanya.

Sinar Harian, pg 12, 23/7/2020

# Ahli politik, ikon negara perlu promosi

**SHAH ALAM -** Pembabitan ahli politik serta ikon negara amat penting dalam mempromosikan Rukun Negara khususnya kepada anak-anak muda.

Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia di Indonesia, Darshini Suresh Kumar berkata, peranan golongan tersebut amat penting bagi memastikan Rukun Negara terus kekal relevan dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata, ketika ini Rukun Negara masih penting namun pendekatan atau cara untuk mempromosinya kepada anak muda harus berubah.

"Ketrampilan serta peranan pemimpin politik di kaca televisyen serta kaca telefon amat penting sebab anak muda sudah tidak baca akhbar.

"Mereka hanya lihat Twitter atau Instagram, semua maklumat ada di sana. Jadi pendekatan harus seiring, mungkin boleh manfaatkan penggunaan Tik Tok atau dengan cara bermanfaat seperti mengadakan cabaran Rukun Negara dan sebagainya," kata beliau dalam Wacana Sinar di sini malam kelmarin.

Darshini bagaimanapun berkata, penggunaan Tik Tok harus disusuli dengan pemantauan bagi memastikan keberkesanan cabaran tersebut dalam mempromosi Rukun Negara kepada anak-anak muda.

Sinar Harian, pg 12, 23/1/2020

# Hanya jadi rutin bacaan

**SHAH ALAM -** Tahap penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat masih pada tahap tidak memuaskan.

Peguam, Syahredzan Johan berkata, perkara itu berlaku kerana Rukun Negara tidak dihayati dan difahami, sebaliknya hanya menjadi rutin bacaan semata-mata.

"Sayangnya makna isi kandungan Rukun Negara itu tidak disebarkan atau dimaklumkan kepada rakyat atau masyarakat.

"Jadi jangan terperanjat jika pada masa ini, kesedaran dan penghayatan orang ramai terhadap Rukun Negara hanya setakat berada di belakang kulit buku sahaja," katanya.

Syahredzan yang juga Setiausaha Politik kepada Ahli Parlimen Iskandar Puteri berkata, dalam tempoh 50 tahun kewujudan Rukun Negara, masih banyak yang belum sempat dilakukan kerajaan.

Namun, katanya, beliau berharap pada masa depan semua pihak dapat memperkasakan pemahaman tentang Rukun Negara ini.

Menurutnya, sewaktu kerajaan terdahulu, melalui inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terdapat Sekolah Rukun Negara yang diwujudkan di mana anak-anak muda dari seluruh negara dikumpulkan dan kemudiannya mereka diterangkan dan diterapkan dengan nilai-nilai Rukun Negara.

"Sekarang saya tak pasti apa jadi dengan sekolah itu tetapi saya berharap perkara seperti itu dapat diteruskan oleh kerajaan baharu," katanya.

Sinar Harian, pg 12, 23/7/2020

# A lesson on unity and inclusiveness from Sarawak

the SUN, pg 3, 23/7/2020

BY **EDDIE HOO**

**THE** gulf between Peninsular Malaysia and the so-called east Malaysia extends beyond the 1,200km of South China Sea waters separating them. Beyond this span lies a much more significant detachment, with Sabahans and Sarawakians having a value system far removed from that of their peninsula counterparts.

What is deemed crucial to Peninsular Malaysians may be of lesser importance to those in the east as their priorities are different. Similarly, what our fellow citizens in the two Borneo states cherish most may not be our first concern.

Of all the political and social predilections shown by Peninsular Malaysians or orang Malaya, the most peculiar to them is the emphasis on race and religion.

While racists exist on both sides of the South China Sea, the more vocal and prominent of them are on the shores of the peninsula.

It is common to find households with multiple faiths and of different ethnicities living under one roof in Sabah and Sarawak. With the extended family structure very much still in place, we find grandparents tending to their grandchildren of different faith.

In Sarawak, there are Christian Dayak grandparents who look after Muslim Malay or Melanau grandchildren, and ensure that their religious beliefs are adhered to.

In caring and cooking for their Muslim grandchildren, they ensure that the food they provide is halal and the love they give is pure and straight from the heart.

There is no fear of grandparents trying to convert their grandchildren because family is more important than the religion they profess. They trust themselves not to proselytise each other.

The above was written five years ago, and every word still holds true.

In marking Sarawak Day yesterday, Chinese in the state shared what it meant to be a Sarawakian and their sense of belonging to the state.

"The Chinese have a patriotic phrase: 'Loyalty to the Country.' I believe this phrase has properly explained our feeling towards Sarawak, the day July 22 was gazetted," Chinese Association Sarawak vice-president Datuk David Goh was quoted as saying.

He was referring to Sarawak Day being gazetted a public holiday in 2016.

"In the past, the term 'pendatang' was often used to describe the non-bumiputras. The Chinese community felt it the most. However, all that changed for Sarawak-born Chinese after the historic day," he added in describing the inclusiveness of all regardless of race as one in the state.

Sarawak United People's Party (SUPP) Youth chief Tan Lik Jin said Sarawak Day should be taught at school for the younger generation to truly understand and embrace the spirit of "Anak Sarawak" (Children of Sarawak).

To those who may not have the opportunity to spend enough time there, this may sound parochial. But if you did, you would know that their sense of pride of being Sarawakian doesn't diminish them as a Malaysian.

Whichever side of the South China Sea we are on, we are of one nation. There is much we can learn from each other.

Happy Sarawak Day.

# Rukun Negara dalam kurikulum sekolah

**Pendidikan** Rukun Negara akan diserapkan semula dalam kurikulum sekolah, selari usaha kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan antara rakyat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Sadique, ketika mengumumkan perancangan itu, berkata langkah itu sedang diteliti bersama dengan Kementerian Pendidikan.

"Kalau dulu kita ada Pendidikan Sivik, masa saya dulu ada Pendidikan Tata Negara, kita nak masukkan balik supaya dapat dipertimbangkan, terutama daripada Kementerian Pendidikan.

"Kita nak serapkan balik pendidikan ini (Rukun Negara) di sekolah rendah dan menengah, selain aktiviti sekretariat Rukun Negara bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) mengenai sama ada Pendidikan Sivik yang pelaksanaannya ditangguhkan pada 2003 akan dikembalikan dalam kurikulum pengajian di sekolah.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Rohani Karim (GPS-Batang Lupar) berhubung perancangan kerajaan mengekalkan status Kuching sebagai bandar raya perpaduan, Halimah berkata, pencapaian dilakar pada 1 Ogos 2015 itu akan dijadikan penanda aras terhadap usaha selanjutnya.

"Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tentukan 148 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara, termasuk enam hibrid, bermaksud 154 PBT dalam mewujudkan program secara bersama.

"Menerusi pendekatan ini, lebih banyak lagi bandar raya perpaduan berupaya 'dilahirkan' pada masa depan," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu), Halimah berkata, kerajaan mempunyai peruntukan perundangan berkaitan untuk mengawal provokasi agama dan perkauman.

Berita Harian, pg 6, 23/1/2020

Akhbar : Makkal Osai
Tarikh : 23 Julai 2020
Muka surat : 16
Sentimen : Neutral

Tajuk : **Rukun Negara dalam kurikulum sekolah**

Ringkasan : Rukun Negara akan diserapkan semula dalam kurikulum sekolah, sebagai usaha kerajaaan untuk mengukuhkan semangat perpaduan antara rakyat negara. Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata kerajaan bertekad untuk mengukuhkan perdamaian dan perpaduan kaum supaya dapat menjaga kesejahteraan rakyat dan negara. Sebagai fasa pertama, pendidikan Rukun Negara akan diserapkan di sekolah rendah dan menengah serta aktiviti yang berkaitan dengan Rukun Negara juga akan dilaksanakan. Beliau juga berkata seseorang individu harus menyemai rasa hormat terhadap masyarakat lain.



# பாடத்திட்டத்தில் ருக்குன் நெகாரா



கோலாலம்பூர், ஜூலை 23- நாட்டின் இனங்களுக்கிடையே ஒருமைப்பாட்டை மேலும் வலுப்படுத்தும் முயற்சியாக கல்வி முறையில் ருக்குன் நெகாரா கல்வியை அறிமுகம் செய்வது பற்றி அரசாங்கம் பரிசீலித்து வருகிறது என்று நாடாளுமன்றத்தில் தெரிவிக்கப்பட்டது.

மக்களின் சுபிட்சத்திற்காகவும் நாட்டின் நிலைத்தன்மைக்காகவும் இன அமைதி, ஒருமைப்பாட்டை வலுப்படுத்த அரசாங்கம் விரும்புகிறது என்று தேசிய ஒருமைப்பாட்டுத்துறை அமைச்சர் ஹலிமா முகமட் சடிக் கூறினார்.

முதல் கட்டமாக ஆரம்ப - இடைநிலைப்பள்ளிகளில் ருக்குன் நெகாரா பாடம் அறிமுகம் செய்யப்படும். அமைச்சுடன் சேர்ந்து ருக்குன் நெகாரா நடவடிக்கைகளையும் செயல்படுத்துவோம் என்று அவர் சொன்னார்.

மக்களவையில் பத்தாங் லுப்பார் தேசியக் கூட்டணி நாடாளுமன்ற உறுப்பினர் ரொஹானி கரிம் எழுப்பிய கேள்விக்கு அவர் பதிலளித்தார்.

நடப்பில் உள்ள சட்ட விதிகளுக்கேற்ப ஒருவர் மற்றவரை மதிக்கும் உணர்வை சமுதாயத்தில் விதைக்க வேண்டும் என அவர் சொன்னார்.

Akhbar : Malaysia Nanban
Tarikh : 23 Julai 2020
Muka surat : 2
Sentimen : Neutral

Tajuk : **Menyelesaikan konflik dengan kaedah yang harmoni**

Ringkasan : Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, memberitahu bahawa pihak kementerian akan menggunakan kaedah yang harmoni untuk menangani masalah perkauman. Tidak kira siapa, ahli politik ke atau rakyat biasa, ada juga yang sengaja mencetuskan perbalahan antara kaum. Walaupun terdapat banyak perundangan untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan sedemikian, pihak kementerian tetap mahu menggunakan pendekatan yang lebih menyemarakkan suasana perpaduan .

# சமரச வழியில் தீர்வு காண்போம்



கோலாலம்பூர், ஜூலை 23- சமரசம் மற்றும் சமாதான அணுகுமுறையின் வழி இனப் பிரச்சினைக்கு தீர்வு காண்போம் என்று தேசிய ஒற்றுமைத்துறை அமைச்சர் ஹலிமா முகமட் சாடிக் தெரிவித்தனர். இன நெருக்கடியினை கையாளுவதற்கு சட்டங்களை பயன்படுத்துவதை விட மேற்கண்ட அணுகுமுறையினை பயன்படுத்துவதே சிறந்தது என்று அமைச்சர் குறிப்பிட்டார்.

அரசியல்வாதியாக இருந்தாலும் சரி அல்லது பொதுமக்களாக இருந்தாலும் சரி சிலர் வேண்டுமென்றே இன உணர்வினை தூண்டும் வகையில் நடந்து கொள்கின்றனர். இது போன்ற எதிர்மறையான நடவடிக்கையினை கையாள பலவித சட்டங்கள் இருக்கின்றன.

எனினும் மக்கள் மத்தியில் ஒருமைப்பாட்டு உணர்வு மேலோங்கும் வகையில் சமரசம் மற்றும் சமாதானம் என்ற அணுகுமுறையினை கடைப்பிடிப்பதில் அமைச்சு ஆர்வமாக இருக்கிறது. மக்கள் மத்தியில் சர்ச்சை, நெருக்கடி, பதற்றம் ஆகிய பிரச்சினைகளுக்கு சமரச வழியில் தீர்வு காண்பதை அமைச்சு ஊக்குவிக்கிறது என்று தேசிய ஒற்றுமைத்துறை அமைச்சர் ஹலிமா முகமட் சாடிக் தெரிவித்தார்.

Akhbar : Malaysia Nanban
Tarikh : 23 Julai 2020
Muka surat : 4
Sentimen : Neutral

Tajuk : **Sultan Selangor mahu Rukun Negara sentiasa dihayati**

Ringkasan : Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Rukun Negara sentiasa dihayati rakyat kerana pembentukan Rukun Negara adalah mengikut acuan masyarakat negara ini. Baginda Sultan Selangor berpandangan, pada era tahun 1980-an pengisian dan penerapan nilai-nilai Rukun Negara tidak begitu diamalkan dan diterjemah dalam bentuk ikatan nasional yang kukuh. Justeru, baginda mahu sambutan ke-50 penggubalan Rukun Negara tahun ini digunakan sebaiknya untuk menyemai kembali semangat patriotisme. Baginda juga berkata Rukun Negara mampu menjadi tunjang dalam mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan rakyat Malaysia serta mencipta kumpulan masyarakat yang adil supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama.

# ருக்குன் நெகாரா எப்போதும் மதிக்கப்பட வேண்டும்

## சிலாங்கூர் சுல்தான் வலியுறுத்தல்

பெட்டாலிங் ஜெயா, ஜூலை 23- மலேசிய சமூகத்தை அடிப்படையாக வைத்து உருவாக்கப்பட்டுள்ள ருக்குன் நெகாரா மலேசியர்களால் எப்போதும் மதிக்கப்பட வேண்டும் என்று சிலாங்கூர் ஆட்சியாளர் மேன்மை தங்கிய சுல்தான் ஷராபுடின் இட்ரிஸ் ஷா கூறினார்.

1980ஆம் ஆண்டுகளில் ருக்குன் நெகாராவின் பண்புகள் முழுமையாக கடைப்பிடிக்கப்பட்டு ஒரு வலுவான தேசிய இணக்கம் உருவாக்கப் படவில்லை என சுல்தான் ஷராபுடின் கருதுகிறார்.

"இவ்வாண்டு கொண்டாடப்படும் ருக்குன் நெகாராவின் 50ஆம் ஆண்டு நிறைவு விழா, நாட்டுப்பற்று உணர்வை விதைக்க பயன்படுத்தப்பட வேண்டும் என சுல்தான் விரும்புகிறார்.'' மக்களிடையே அணுக்கமான ஒற்றுமையை ஏற்படுத்துவதிலும் ஒரு நேர்மையான சமூகத்தை உருவாக்குவதிலும் ருக்குன் நெகாரா முதுகெலும்பாக விளங்க முடியும் என சுல்தான் நம்புகிறார். நாட்டின் வளத்தை அனைவரும் அனுபவிக்க இது வழிவகுக்கும் என்று சிலாங்கூர் அரச அதிகாரப் பூர்வ இன்ஸ்டாகிராம் பக்கத்தில் நேற்று பதிவிடப்பட் டிருந்தது.

மலேசியாவில் வாழும் பல்இன மக்களிடையே ஒற்றுமையும் நல்லிணக்கமும் நிலவுவதை காணவே சுல்தான் ஷராபுடின் எப்போதுமே விரும்புவதாக அந்த பதிவேற்றத்தில் சுட்டிக் காட்டப் பட்டிருக்கிறது.

எனவே, ஒரு மலேசிய இனத்தை உருவாக்குவதற்கு ஒவ்வொரு குடிமகனின் இதயத்திலும் நாட்டுப்பற்றை விதைக்க வேண்டுமானால் அதற்கு ருக்குன் நெகாராவே மிக முக்கிய அடிப்படை என்பதை சுல்தான் ஷராபுடின் அறிந்து வைத்திருப்பதாக அது கூறிற்று.

Akhbar : Malaysia Nanban
Tarikh : 23 Julai 2020
Muka surat : 3
Sentimen : Neutral

Tajuk : **Pendidikan Rukun Negara di kurikulum sekolah**

Ringkasan : Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, berkata Rukun Negara akan diserapkan semula dalam kurikulum sekolah, sebagai usaha kerajaaan untuk mengukuhkan semangat perpaduan antara rakyat negara. Beliau juga berkata kerajaan bertekad untuk mengukuhkan perdamaian dan perpaduan kaum supaya dapat menjaga kesejahteraan rakyat dan negara. Pendidikan Rukun Negara akan diserapkan di kurikulum sekolah rendah dan menengah serta perancangan aktiviti yang berkaitan dengan Rukun Negara sedang diteliti bersama dengan Kementerian Pendidikan. Seterusnya, beliau memberitahu bahawa seseorang individu harus menyemai rasa hormat terhadap masyarakat lain. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Seri Rohani Karim(GPS Batang Lupar). Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika berucap pada Sambutan Ulang Tahun Rukun Negara ke-50, meminta agar Rukun Negara diajar di sekolah sebagai matapelajaran.

# பள்ளிகளில் ருக்குன் நெகாரா கல்வி!

கோலாலம்பூர், ஜூலை 23- இனங்களுக்கிடையிலான ஒற்றுமையை மேலும் வலுப்படுத்த பள்ளிகளில் ருக்குன் நெகாரா நெறிமுறைகளை கல்விப் பாடத்தில் சேர்த்துக் கொள்வது குறித்து அரசாங்கம் பரிசீலித்து வருவதாக தேசிய ஒற்றுமைத்துறை அமைச்சர் டத்தோ வீரா ஹலிமா முகமட் சடிக் கூறினார்.



நாட்டின் சுபிட்சத்திற்கும் மக்களின் நல்லிணக்கத்திற்கும் மக்களிடையே ஒற்றுமையை வலுப்படுத்த அரசாங்கம் விரும்புவதாகவும் அவர் சொன்னார்.

இந்த பாடத்திட்டத்தை ஆரம்ப, இடைநிலைப்பள்ளிகளில் அறிமுகப்படுத்த தமது அமைச்சு முயற்சித்து வரும் வேளையில், அமைச்சுடன் இணைந்து ருக்குன் நெகாரா நடவடிக்கைகளை மேற்கொள்ளவும் தாங்கள் ஆலோசித்து வருவதாகவும் அவர் சொன்னார்.

நாட்டின் சட்டவிதிகளுக்கு ஏற்ப நாட்டு மக்கள் ஒருவரை ஒருவர் மதிக்கக் கற்றுக் கொள்ள வேண்டும். என்றும் அவர் சொன்னார்.

நேற்று மக்களவையில் கேள்வி - பதில் நேரத்தின்போது பத்தாங் லுப்பார் உறுப்பினர் (தே.கூ.) டத்தோ ரோஹானி கரிமின் கேள்விக்குப் பதிலளிக்கையில் அவர் இவ்வாறு கூறினார்.

இம்மாதம் 9ஆம் தேதி புத்ரா ஜெயாவில் ருக்குன் நெகாராவின் 50ஆம் ஆண்டு நிறைவு விழாவைத் தொடக்கி வைத்து பேசிய பிரதமர் டான்ஸ்ரீ மொகிதீன் யாசின், நாடு பல்வேறு பிரச்சினைகளை எதிர்நோக்கி வரும் வேளையில், ருக்குன் நெகாரா கல்விப் பாடமாக பள்ளிகளில் போதிக்கப்பட வேண்டும் என கேட்டுக் கொண்டார்.

Malaysia Nanban, Pg 3, 23/7/2020

# Rukun Negara asas terpenting perlu diterap dalam naluri setiap rakyat, titah Sultan Selangor

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah mahu Rukun Negara sentiasa dihayati oleh rakyat walaupun Malaysia mengejar arus kemajuan.

Titah baginda, sikap itu penting kerana pembentukan Rukun Negara adalah mengikut acuan masyarakat negara ini.

Selangor Royal Office menerusi satu kenyataan memaklumkan, Rukun Negara adalah perkara asas terpenting yang perlu diterapkan dalam naluri setiap rakyat bagi membentuk sebuah bangsa Malaysia yang benar-benar patriotik, memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan.

"Rukun Negara digubal dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan rakyat yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

"Telah menjadi hasrat Sultan Selangor sejak sekian lama untuk melihat keutuhan perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang kaum di Malaysia," menurut kenyataan Sultan Sharafuddin yang dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office semalam.

FOTO: IHSAN SELANGOR ROYAL OFFICE




**Sultan Selangor dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah bersama papan tanda Rukun Negara yang diukir dalam tulisan rumi dan Cina.**

Menurut kenyataan itu lagi, kagum melihat hasil karya pewaris seni pembuatan papan tanda generasi ketiga yang berasal dari negeri Melaka, Ting Wee Chia, Sultan Selangor menitahkan Wee Chia mengukir sebuah papan tanda istimewa dengan paparan Rukun Negara dalam dua bahasa, sesuai dengan kepakaran Wee Chia dalam kaligrafi Cina.

Lima rangkai ideologi negara itu kini baginda abadikan dalam satu karya ukiran kayu papan tanda simbolik tradisional masyarakat Cina di Malaysia yang kini ditempatkan di Istana Alam Shah, Klang.

Kenyataan itu turut memaklumkan, Sultan Selangor berpandangan, pada era tahun 1980-an pengisian dan penerapan nilai-nilai Rukun Negara tidak begitu diamalkan dan diterjemah dalam bentuk ikatan nasional yang kukuh.

Justeru, baginda mahu sambutan ke-50 penggubalan Rukun Negara tahun ini digunakan sebaiknya untuk menyemai kembali semangat patriotisme.

Sinar Harian, pg 12, 23/7/2020

# Ahli politik tidak terkecuali

Perbuatan sengaja cetus provokasi akan dikenakan tindakan

Oleh MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

**KUALA LUMPUR**

Mana-mana individu termasuk ahli politik yang sengaja mencetuskan provokasi dan perbalahan kaum di negara ini akan dikenakan tindakan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique berkata, individu terbabit boleh didakwa mengikut Seksyen 298A Kanun Keseksaan di bawah Akta 574 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.



HALIMAH

"Tidak kira siapa, ahli politik dan sesiapa pun sekiranya mereka mencetuskan provokasi boleh disiasat.

"Walaupun begitu, pihak kementerian (Kementerian Perpaduan Negara) tetap mahu menggunakan kaedah yang lebih menyemarakkan suasana perpaduan itu tanpa mendidik masyarakat melalui perundangan yang ada.

"Maka kerana itu kita juga akan mempromosikan, menggalakkan lagi kaedah-kaedah mediasi komuniti dan sebagainya untuk menangani segala pertelingkahan, pertikaian, persengketaan yang ada dalam komuniti dan sebagainya," kata beliau pada Persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Halimah menjawab soalan tambahan **Datuk Jalaluddin Alias (BN-Jelebu)** mengenai tindakan penguatkuasaan terhadap pemimpin yang mencetuskan perbalahan antara kaum.

Dalam soalan tambahan **Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin)** mengenai pendidikan sivik dalam silibus pelajaran, Halimah berkata, pihak kementerian dalam usaha memasukkan pendidikan Rukun Negara dalam sistem pendidikan.

Menurutnya, usaha tersebut dilakukan sempena sambutan 50 tahun Rukun Negara dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan.

"Kalau dulu kita ada pendidikan sivik, masa saya dulu ada pendidikan Tata Negara.

"Kita nak masukkan balik supaya dapat dipertimbangkan terutama daripada Kementerian Pendidikan untuk kita serapkan pendidikan Rukun Negara ke dalam sistem pendidikan melalui sekolah-sekolah rendah dan menengah dan aktiviti Sekretariat Rukun Negara bersama pihak kementerian Pengajian Tinggi.

"Apa pun masyarakat Malaysia perlu dididik untuk memahami menghormati antara satu sama lain," ujarnya.

Sinar Harian, pg 13, 23 Julai 2020